

# AMALAN TOLERANSI BERAGAMA MENURUT MAQASID SYARIAH

## *THE RELIGIOUS TOLERANCE PRACTICE BY MAQASID SYARIAH*

**Mohd Yusri bin Ibrahim**

Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan (UPSI), Malaysia.  
(Email: mohyusri@ yahoo.com.my)

**Received date:** 17-09-2019

**Revised date:** 03-10-2019

**Accepted date:** 06-10-2019

**Published date:** 10-12-2019

**To cite this document:** Ibrahim, M.Y. (2019). Amalan Toleransi Beragama Menurut Maqasid Syariah. *International Research Journal of Shariah, Muamalat and Islam*, 1(2), 01-10.

**DOI:** 10.35631/irjsmi.12001

---

**Abstrak:** Amalan toleransi antara agama merupakan persoalan yang masih menjadi kontroversi dalam dunia Islam kerana hubungkaitnya dengan persoalan liberalisme dan pluralisme. Toleransi di antara agama adalah elemen yang penting dan berkesan dalam keperluan memenuhi kehendak agama dan jiwa selaras dengan pendekatan maqasid syariah. Kajian yang dijalankan ini merupakan kaedah penyelidikan kualitatif yang digunakan sebagai satu pendekatan kajian perpustakaan. menfokuskan kepada pengertian toleransi antara agama dari segi pengamalan dan juga kaedah-kaedah pendekatan pengamalan toleransi dalam Islam yang diamalkan dari dahulu sehingga sekarang. Sehubungan dengan itu, penghuraian maqasid syariah dari segi pengertian dan pendekatan yang digunakan oleh sarjana Islam terdahulu juga semasa dalam menangani permasalahan pemikiran fiqh kontemporari ini dimuatkan. Dapatan kajian juga dapat memperkembangkan lagi pengetahuan sedia ada khasnya pemikiran fiqh kontemporari dalam maqasid syariah dan batasan toleransi antara agama. Hasil kajian dapat menambah pengetahuan baru mengenai maqasid syariah dan aplikasinya dalam kehidupan masyarakat

**Kata Kunci:** Maqasid Syariah, Toleransi, Elemen, Konteks, Aplikasi

**Abstract:** The practice of tolerance between religious is an issue that is still controversial in the Islamic world because of its connection with the question of liberalism and pluralism. Tolerance between religions is an important and effective element in the fulfillment of religious and spiritual needs in accordance with the maqasid syariah approach. This study is a qualitative research method used as a library research approach. focuses on the meaning of tolerance between religions in practice and the methods of approach to the practice of tolerance in Islam practiced from time to time. Thus, maqasid syariah interpretations in the sense and the approach used by earlier Islamic scholars as well as in dealing with issues of

*contemporary fiqh thought. The findings of this study can also expand on existing knowledge of contemporary fiqh thinking in maqasid syariah and the limits of tolerance between religions. The results of this study will add new knowledge about the maqasid syariah and its application in people's lives*

**Keywords:** *Maqasid Syariah, Tolerance, Elements, Context, Application*

---

## **Pengenalan**


Amalan toleransi antara agama merupakan persoalan yang masih menjadi kontroversi dalam dunia Islam kerana hubungkaitnya dengan persoalan liberalisme dan pluralisme. Maqasid syariah pula bermaksud tujuan atau objektif suatu syariah ditetapkan untuk memberi kemashalatan kepada manusia sama ada menarik manfaat (maslahah) tersebut atau menolak keburukan (mudarat) daripada manusia. Oleh kerana itu semua hukum syarak bernaung di bawah konsep jaminan maslahah kepada manusia bukan sahaja di dunia malahan di akhirat.

## **Maqasid al-Shariah dan Toleransi**

Menurut Ahmad al-Raisuni dalam bukunya "*Nazariyyat al-Maqasid I'nda al-Imam al-Syaitibi*" menyatakan maqasid merupakan matlamat yang ingin dicapai dalam melakukan sesuatu. Antara istilah popular yang digunakan ialah *Maqasid Syariah, Maqasid al-Syar'i* dan *Maqasid Syara'* atau dalam Bahasa Arab, *Maqasid al-Syariah, Maqasid al-Syari'* dan *al-Maqasid al-Syar'iyyah*. (Ahmad al-Raisuni, 1992:13)

Manakala menurut al-Shatibi pula, maqasid syariah mempunyai lima prinsip asas dalam perundangan Islam iaitu menjaga agama, jiwa, akal, keturunan atau maruah dan harta. Kesemua prinsip ini termasuk dalam perkara keperluan asas (*dharuriyyat*). Malah pada pandangan al-Syaitibi ialah segala apa yang disyariatkan tidak terlepas daripada maqasid yang dibahagikan pula kepada tiga kategori iaitu kepentingan asas (*dharuriyyat*), keperluan biasa (*hajiyyat*) dan pelengkap (*tahsiniyyat*). Kesimpulannya maqasid syariah ialah matlamat yang ingin dicapai oleh syariat demi kepentingan umat manusia. Memahami maqasid syariah akan membantu kita menyelesaikan permasalahan yang rumit. Ia juga membantu untuk seseorang mencapai hikmah-hikmah yang terkandung di dalamnya. Seseorang yang memahami maqasid syariah akan melahirkan sifat toleransi yang ideal dengan kerukunan masyarakat, agama dan negara di samping dapat menjaga aqidah atau jiwa selaras dengan maqasid syariah yang lain. Ini kerana keperluan menjaga akidah adalah penting dalam toleransi antara pelbagai agama. (Abdul Basit Abd Rahman, 2012:23)

### **Rajah 1: Ringkasan Hubungan Antara *Dharuriyyat*, *Hajiyyat* Dan *Tahsiniyyat* Dalam Maqasid Syariah**



Oleh sebab itulah, walaupun di dalam al-Quran tidak terdapat perkataan yang memberi maksud toleransi namun terdapat banyak ayat al-Quran yang secara terangnya menjelaskan persoalan konsep dan batasan toleransi antaranya ayat 6 surah al-Kafirun yang menurut ahli tafsir mempunyai dua makna iaitu perbezaan yang ketara dalam pengabdian atau penyembahan dalam ibadah. Ini disebabkan ayat ke 4 dan ke 5 surah al-Kafirun menunjukkan kepada masa dan waktu yang akan datang. Jelasnya ayat ke 6 surah al-Kafirun menafikan penyembahan berhala pada masa lalu dan akan datang, membawa makna pengabdian Islam adalah berlainan dengan pegangan sembah bukan Islam. (Muhammad Mahmud Hijazi, 2005 :238)

Hakikatnya tindakan menghina agama atas nama kebebasan bersuara adalah contoh nilai budaya yang tidak mengenali dan menghormati sensitiviti masyarakat lain. Agenda di sebalik tindakan menyalahgunakan hak kebebasan bersuara ini merupakan kesan sekularisasi yang meletakkan kebebasan individu lebih tinggi dari kemaslahatan masyarakat. Cabaran utama toleransi ialah bagi memastikan golongan yang sengaja mengeksploitasi hak kebebasan bersuara ini untuk mematuhi had-had perundangan mengenai kebebasan bersuara dan hak asasi lain. Semua lapisan masyarakat perlu berusaha memastikan bahawa fahaman liberalisasi sekular tidak terus menerus menyebarkan fahaman di sebalik agenda toleransi beragama dengan mengelirukan akidah umat Islam dengan melanggar batas syariah dan meruntuhkan akhlak generasi muda. Sewajarnya pendekatan maqasid syariah digunakan dalam menangani isu-isu hak asasi manusia khususnya hak kebebasan bersuara yang semakin hilang pedoman akibat keghairahan manusia menyanjung fahaman liberalisasi barat. Justeru itu, kajian ini diharap dapat menjawab persoalan mengenai toleransi antara agama, pelaksanaan toleransi di negara-negara Islam, perbezaan liberalisme, pluralisme dan batasannya dalam pencapaian maqasid syariah sesuai dengan persoalan fiqh semasa.

#### **Konsep Toleransi Antara Agama**

Amalan toleransi di antara agama adalah elemen yang penting dan berkesan dalam keperluan memenuhi kehendak agama dan jiwa selaras dengan pendekatan maqasid syariah. Kedua-dua aspek ini dilihat sebagai satu proses semula jadi yang bertanggungjawab terhadap pemeliharaan ummah dan negara supaya terus aman berkekalan. Sebenarnya dalam hal ini toleransi antara agama dan nilai perpaduan dalam masyarakat adalah komponen kesejahteraan dalam mempengaruhi pencapaian nilai keagamaan. Oleh yang demikian, kefahaman mengenai maqasid syariah menjadikan seseorang individu memahami keindahan Islam dalam mengatur

kehidupan ummah dan negara. Maqasid syariah adalah jambatan kepada penyelesaian permasalahan ummah dan masyarakat kontemporari.

Di samping itu, maqasid syariah dan toleransi antara agama boleh dilihat dari sudut mendapatkan kesejahteraan keluarga, masyarakat, agama dan negara. Apa yang membimbangkan sekarang toleransi beragama dijadikan sebagai alasan berkembangnya konsep liberalisme dan pluralisme dalam bentuk yang bertentangan dengan roh Islam. Ilmuan Islam seperti Imam al-Ghazali menyatakan sesuatu keperluan dan kepentingan manusia perlu dilihat kepada sejauh mana ia bertetapan dengan masalah yang menjadi objektif syariah dengan menegaskan bahawa objektif syariah ialah menjaga lima perkara asas agar ia dapat menghilangkan *mafsadah*. (Mahmood Zuhdi Abdul Majid, 2012:7)

Konsep toleransi antara agama dalam Islam memainkan peranan positif dan negatif dalam menyemai konsep kerukunan keluarga, masyarakat dan negara. Golongan ilmuan Islam tradisional melahirkan kebimbangan bahawa toleransi yang keterlaluan dalam agama akan menyebabkan penularan fahaman Islam liberal yang menganggap semua agama sama dengan berpandukan penafsiran hukum syariat secara literal. Keadaan ini akan hanya melumpuhkan Islam sebagai Ad-Din. (Ahmad Yumni Abu Bakar & Mohd Fairuz Jamaluddin, 2014:27) Fakta yang tidak dapat dinafikan bahawa manusia secara lahir berhak kepada hak-hak tertentu. Pemenuhan dan pemeliharaan hak asasi adalah perlu bagi kewujudan dan kesinambungan hidup masyarakat. Walau bagaimanapun, penentuan hak-hak tersebut memerlukan kepada ruang perbincangan dan perbincangan. Seseengah budaya dalam konteks perbincangan mengenai hak asasi manusia menumpukan perhatian lebih kepada hak-hak kebebasan individu sedangkan masyarakat yang lain menegaskan tumpuan lebih kepada hak-hak untuk memastikan kelangsungan hidup masyarakat. Sekarang terdapat kecenderungan umum untuk mengaitkan isu keganasan dengan pelakuan umat Islam. Oleh itu, adalah tidak adil untuk mengaitkan Islam dengan apa-apa pelanggaran hak asasi manusia yang dilakukan oleh umat Islam. Ini kerana perbuatan itu akibat gabungan budaya masyarakat Islam berbanding orientasi agama.

Islam sebagai agama universal, mengambil berat sikap hormat menghormati, toleransi, keadilan, kesaksamaan, kebebasan dan hak asasi manusia dalam beragama. Oleh itu, keselamatan manusia dan keamanan bergantung kepada pematuhan individu dengan perintah dan ketaatan kepada tuhan yang esa. Hak-hak dan keistimewaan yang dinikmati oleh manusia adalah kurniaan tuhan untuk semua orang tanpa diskriminasi. Perintah dan larangan di dalam undang-undang Islam yang berkaitan dengan kewajipan undang-undang, tidak kira sama ada berkaitan dengan perkara-perkara iman, undang-undang, etika, matlamat maqasid syariah ialah berpaksikan cara mendapatkan manfaat dan penghapusan bahaya. Dalam erti kata lain, faedah mengelakkan kemudaratan adalah tumpuan utama dalam perundangan Islam. (Jasser Auda, 2008:10)

Pengabaian hal ini akan membawa kepada kemudaratan dalam kehidupan. Mohammad Hashim Kamali dalam perkara ini menyatakan pemeliharaan kebersihan dalam penampilan diri dan kerohanian, penerapan nilai-nilai moral, mengelakkan berlebih-lebihan dalam perbelanjaan dan kesederhanaan dalam penguatkuasaan penalti adalah perlu dalam mencapai kehormatan masyarakat. (Mohammad Hashim Kamali, 2008:5) Oleh itu, adalah penting untuk mewujudkan kesedaran di kalangan orang Islam dan bukan Islam bahawa Islam dengan tegas memerhati dan menghormati hak asasi manusia dengan mengambil langkah-langkah praktikal untuk perlindungan mereka. Ia mengangkat kesedaran itu kepada tahap satu keperluan kerana tanpanya kehidupan manusia tidak boleh menjadi sempurna.

Walaupun Islam adalah perintis dalam pembelaan hak asasi manusia, situasi ini memerlukan usaha bersepadu oleh sarjana Islam untuk menjelaskan kedudukan Islam berkaitan dengan isu hak asasi manusia dan toleransi. Ini adalah perlu untuk membersihkan tuduhan dan tanggapan kritikan mengenai kedudukan Islam dan komitmennya kepada hak toleransi. Hakikatnya bahawa Islam adalah serius sejak lebih empat abad, mengakui toleransi, pluralisme agama dan budaya keterbukaan kepada semua agama melalui dialog dan kerjasama dalam setiap bidang yang boleh menyumbang kepada kesejahteraan manusia di seluruh dunia seperti yang dinyatakan sebelum ini, doktrin atau objektif syariah merangkumi lima hak asasi manusia sejagat asas yang merangkumi semua hak-hak lain yang berbeza-beza di tahap kepentingan meliputi pelbagai aspek kehidupan, material, intelektual, agama dan duniawi.

Selain itu pendekatan toleransi antara agama memerlukan penyesuaian langkah-langkah yang secara beransur-ansur membawa kepada penciptaan dan pembentukan unsur-unsur kebersamaan. Islam telah mengekalkan hak-hak sejagat bagi menegaskan unsur-unsur kebersamaan dengan penafian unsur-unsur yang merosakkan. Oleh itu, perbuatan penindasan seperti menghina agama secara individu atau berkumpulan adalah dilarang. Dalam konteks ini konsep *Saddu al-Zaraai'e* adalah dituntut tetapi ulama telah menetapkan bahawa berlebihan dalam mengharamkan daripada sesuatu perkara adalah sama seperti berlebih dalam mengharuskannya. Kadang-kadang ia membawa kepada hilangnya masalah yang banyak dan membawa kepada lebih besar kerosakan yang ditakuti. (Yusuf al-Qardhawi, 1998:273) Kesimpulannya, objektif syariah ialah mengenal pasti lima sebagai asas tujuan hidup dan sumber hak asasi manusia dengan merealisasikan juga menekankan pelaksanaan demi keunikan pendekatan Islam melalui toleransi.

Pendekatan yang paling sesuai dalam mempertimbangkan pengamalan maqasid syariah ialah dari sudut untuk mengenal pasti objektif mengenai isu tertentu yang terkandung dalam al-Quran. Pendekatan maqasid syariah menekankan kepentingan dan kesejahteraan awam, menolak penafsiran secara literal teks al-Quran, dan memberikan keutamaan kepada semangat ajaran al-Quran dengan memerlukan pembacaan yang keseluruhan teks untuk mengenal pasti objektif syariah dan kemudian mentafsirkan ayat-ayat tertentu mengenai topik yang diberikan mengikut maqasid syariah yang dikenal pasti (Jasser Auda, 2011:207) Oleh sebab itu, undang-undang yang melanggar maqasid syariah perlu disemak semula atau dipinda untuk membawa keselarasan dengan objektif yang bersesuaian untuk memastikan keselamatan dan pembangunan individu dan masyarakat.

Pada zaman moden, syariah telah dianggap sebagai undang-undang dan pelaksanaannya dianggap sebagai asas untuk mewujudkan masyarakat Islam atau negara yang dirahmati Allah. Keadilan seluruhnya adalah masalah (kebaikan). Setiap persoalan yang keluar dari keadilan membawa kepada kezaliman, daripada kasih sayang kepada sebaliknya, daripada masalah kepada *mafsadah* (keburukan), daripada hikmah kepada sia-sia, semua itu bukan berlandaskan daripada syariah walaupun didakwa sebagai syariah menerusi tafsiran tertentu. (Jasser Auda, 2014:xxxii)

Satu pendekatan maqasid syariah yang lebih terbuka daripada nilai-nilai, yang dikenal pasti oleh Ibn Taimiyah, termasuk memenuhi kontrak, pemeliharaan hubungan persaudaraan, menghormati hak-hak seseorang jiran, keikhlasan, amanah dan kesucian akhlak. Namun membuat kajian yang lebih mendalam mengenai teori maqasid syariah dengan memberi tumpuan kepada konsep masalah sebagai satu pendekatan dengan menyimbangi antara literalisme dan *qiyas* (analogi pemikiran) dilakukan oleh al-Shatibi adalah berdasarkan kepada bacaan induktif al-Quran untuk mengenal pasti objektif, niat dan tujuan yang lebih tinggi daripada ayat-ayat al-Quran, yang difahami untuk memelihara kepentingan manusia dalam

kedua-dua dunia dan akhirat . Dari segi praktikal, maqasid syariah kurang mendapat perhatian daripada ulama dan sarjana undang-undang Islam dalam tempoh tujuh ratus tahun sejak al-Shatibi sehingga muncul ulama kontemporari disebabkan berlakunya banyak perubahan dalaman dan luaran kepada masyarakat Islam ,sarjana Islam tidak boleh hanya bersandarkan kepada kerangka fiqh klasik.

Cabaran moden menuntut sarjana Islam membuat penelitian menggunakan pendekatan fiqh Islam kontemporari dengan menjana pemikiran setimpal kepada keperluan urusan dalaman dan luaran umat Islam yang tidak bercanggah dengan tujuan dan nilai-nilai Islam. (Mahmood Zuhdi Abdul Majid, 2010:85) Cabaran bagi umat Islam kini ialah untuk membangunkan satu pendekatan Islam yang akan memastikan kehormatan, relevan sesuai dengan kehendak negara dan masyarakat. Muhammad al-Tahir Ibn Ashur menggunakan teori maqasid syariah berdasarkan keperluan kepada objektif dengan pendekatan berasaskan kepada undang-undang Islam dan realiti semasa.Ibn Ashur membincangkan pemeliharaan sistem keluarga, konsep kebebasan dan kepercayaan, ketertiban, kesopanan, hak asasi manusia, kebebasan dan kesaksamaan sebagai objektif undang-undang Islam yang berkaitan dengan teori maqasid syariah. Yusuf al-Qardhawi telah melanjutkan lagi ruang lingkup maqasid syariah kepada sokongan sosial kebajikan, kebebasan, maruah manusia dan persaudaraan manusia.

Gamal Attia beranggapan dalam merealisasikan matlamat tertinggi perundangan Islam ialah dengan menyediakan secara terperinci maqasid syariah sebagai falsafah undang-undang Islam, menawarkan penganalisaan yang komprehensif mengenai konsep maqasid syariah dalam konteks pemikiran undang-undang Islam. Jasser Auda menekankan bahawa konsep maqasid syariah bermula dari pemeliharaan anak, fikiran, maruah, agama, dan kekayaan masing-masing berkembang menjadi objektif syariah seperti penjagaan keluarga, berpengetahuan saintifik, menegakkan hak asasi manusia dan maruah, kebebasan kepercayaan, dan pembangunan ekonomi lain .Teori Jasser Auda dalam maqasid syariah ini disokong oleh ulama fiqh kontemporari termasuk Mohammad Hashim Kamali, Tariq Ramadan, dan Mashood Baderin. Dalam hal ini Mohammad Hashim Kamali berpendapat bahawa maqasid syariah kekal dinamik dan terbuka kepada perkembangan mengikut keutamaan masa. (Mohammad Hashim Kamali, 2008:24)

Minat dalam maqasid syariah di kalangan sarjana fiqh Islam telah berkembang kini yang boleh dikaitkan dengan kelahiran semula pendekatan maqasid syariah pelbagai bidang terutamanya konsep politik Islam kerana pimpinan kini parti-parti politik berorientasikan Islam menegaskan bahawa tadbir urus yang baik, pembangunan ekonomi, dan melindungi hak-hak asasi dan kebebasan adalah matlamat Islam.Latar belakang masyarakat mempunyai pengaruh yang kuat digabungkan dengan tafsiran konservatif syariah, maqasid syariah mempunyai potensi membuat sumbangan yang penting kepada pembaharuan undang-undang Islam dengan menyumbang jalan ke arah demokrasi serta kebebasan dan hak asasi masyarakat dengan menilai semula tradisi klasik berdasarkan perubahan sosial, politik, perdagangan, dan agama.(Rane Halim, 2013:496)

Hakikatnya, pengamalan toleransi antara umat beragama adalah untuk mencipta masyarakat yang adil,produktif,berkasih sayang dan demokratik.Teori ini selari dengan tuntutan maqasid syariah kontemporari iaitu pembangunan dan hak dalam konteks keberagaman Islam di era moden iaitu sikap toleransi,ketetapan dan perubahan syariat,persamaan dan kebebasan.Namun begitu,konsep toleransi perlu dilihat juga dari pelbagai dimensi agar fenomena *tasayabuh* dapat dihindari dalam suasana umat Islam terus berpegang dengan akidah (Mohd Anuar Ramli,Paizah Hj Ismail & Ahmad Badri Abdullah, 2013:23). Contohnya , dewasa ini

munculnya amalan-amalan baharu dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia yang memperlihatkan berlakunya fenomena tasyabbuh ini. Antara yang jelas dapat diperhatikan adalah amalan-amalan yang kini mula menjadi norma dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia iaitu, amalan menyalakan api dalam majlis-majlis tertentu, memakai pakaian kaum dan agama lain dan menyertai orang bukan Islam dalam perayaan mereka di rumah ibadat. Pada masa yang sama toleransi juga dapat mewujudkan suasana keterbukaan agar Islam dipandang sebagai rahmat untuk sekalian alam .( Inaran Ahmad Farid& Saadan Man, 2012:291).

Oleh sebab itu, maqasid syariah perlu dinilai semula agar semua pandangan sarjana fiqh diambil kira dari pelbagai sudut dan menyeluruh dengan tidak hanya berpegang kepada mana-mana nas begitu sahaja.(Paizah Hj Ismail, 2014:94). Justeru itu, keperluan dialog antara agama perlu diamalkan dan kebebasan berfikir dalam ruang lingkup yang tidak bercanggah dengan syariat Islam diraikan. (Rahimin Affandi ,Mohd Anuar & Paizah Ismail, 2011:93 )

Muhid Osman melalui Disertasi untuk Sarjana Usuluddin di bawah Jabatan Al Quran dan Sunnah tahun 2008 bertajuk Prinsip Toleransi Beragama Dalam Al Quran :Kajian Surah al-Muthhaminah menekankan konsep perhubungan dengan orang bukan Islam khususnya batasan juga anjuran dalam bertoleransi dalam konteks dakwah dan indahnya Islam sebagai rahmat kepada seluruh alam.Dalam hal ini juga tarikan orang bukan Islam kepada Islam sebenarnya tidak lain kecuali akhlakunya .Sikap terpuji ini sebenarnya membuka ruang dakwah kepada orang bukan Islam (Nik Aziz Nik Mat , 2013:100)

Hak toleransi manusia dalam Islam bukan sahaja dari segi konsep mengakui kebersamaan tetapi dicapai melalui langkah-langkah praktikal seperti kepercayaan kepada keesaan Allah. Di samping itu, hak asasi manusia Islam yang sangat komprehensif dan multi-dimensi bersifat merangkumi semua aspek kehidupan, politik ekonomi, sosial dan budaya. Hak asasi manusia yang termaktub dalam piagam perisytiharan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan perjanjian antarabangsa yang berikutnya adalah pengulangan daripada apa yang diseru oleh Islam sejak empat belas abad. Islam membentangkan satu konsep yang jelas hak asasi manusia yang sangat unik dan sempurna. Ia menerima pakai pendekatan bersepadu dan praktikal bagi merealisasikan dan perlindungan hak-hak individu dan masyarakat.

Kelebihan dan pendekatan Islam mengenai hubungan antara hak asasi manusia berdasarkan sumber-sumber ketuhanan, al-Quran dan Sunnah Nabi merangkumi semua jenis hak dalam skop dan meliputi semua kelas dan kumpulan rakyat dengan mengimbangi antara semua dimensi kehidupan manusia dan menyediakan satu set nilai-nilai yang sesuai untuk semua masa dan tempat. (Abdul Rahman Awang, 2006:34)

Hakikatnya konsep maqasid syariah dalam toleransi beragama bersifat luas dari pelbagai sudut dimensi jelas membuktikan Islam adalah agama universal dan rahmat kepada sekalian alam dalam merangka rupa bentuk masa depan yang lebih baik dengan memikirkan implikasi sesuatu tindakan di dalam sesuatu tindakan atau situasi .Pendekatan ini sejajar dengan Maqasid al-Syariah melalui pendekatan *Fiqh Tawaqqu* (Nurul Izzah Anwar, 2014)

### **Kesimpulan**

Lima objektif maqasid syariah meliputi kepada kepelbagaian ruang lingkup kehidupan manusia iaitu individu , keluarga , umat dan kemanusiaan sejagat yang menjurus kepada pencapaian dari keamanan , keadilan , pemeliharaan agama dan akhlak , kerjasama dan saling membantu , memelihara kewarasan akal dan membangun budaya ilmu serta mengimrahkan bumi dan pemeliharaan harta rakyat. Dalam hal ini, masyarakat perlu mampu bekerjasama dengan setiap

lapisan masyarakat bagi mencapai objektif syariah dalam merealisasikan hubungan yang baik antara pelbagai warganegara. Maqasid syariah datang dengan pakej yang lengkap bagi memastikan dapat dilaksanakan memerlukan kepada kefahaman, kesedaran dan semua pihak berganding antara pemerintah dan alim ulama. Ulama seharusnya melengkapkan diri dengan segala ilmu dan kemahiran agar kompeten sebagai tempat rujukan umat sementara pemerintah pula mestilah mampu mengendalikan urusan umat secara cekap, amanah dan berhikmah.

Justeru, disebabkan maqasid syariah bersifat dinamik, segala perubahan dan tuntutan semasa perlu mampu ditangani secara cekap dan berkesan oleh pemerintah dan masyarakat Islam. Mendepani cabaran hidup dan suasana masyarakat yang kompleks memerlukan sistem syura yang perlu diperkembangkan sebagai mekanisme maklum balas berkesan dari rakyat. Tiada ruang kepimpinan secara diktator dalam merealisasikan maqasid syariah. Perbahasan dalam isu-isu berkaitan semasa terutama menyentuh berkaitan hubungan antara kaum dan agama perlu menjurus kepada pembinaan masyarakat wasathiyah yang seimbang dalam memahami perbezaan antara wasilah (jalan) dan ghayat (tujuan). Perbincangan isu-isu Islam dan demokrasi perlu dicambahkan dengan pelbagai pandangan bagi memastikan maqasid syariah tercapai. Pemerintah perlu untuk menjadi “*listening government*” yang peka, prihatin dan cekap dalam menangani sesuatu masalah masyarakat yang timbul.

Dalam menangani persoalan hak asasi manusia, beberapa pendekatan maqasid syariah yang telah dihuraikan sebelum ini perlu dilaksanakan dengan penuh keberanian kerana Islam telah lama mengangkat darjat manusia kepada kemuliaan berdasarkan daya intelektual dan akal yang dipunyai manusia. Dari segi intelektual, manusia diberi ruang untuk melakukan pilihan yang mempunyai risiko sama ada di dunia atau akhirat. Oleh itu, sebarang cubaan untuk menafikan keperluan dan akal manusia adalah suatu pencerobohan terhadap hak asasinya kerana wujudnya jurang perbezaan antara individu yang merdeka dan tidak merdeka dari sudut pandangan Islam. Sehubungan dengan itu, maqasid syariah yang semakin berkembang dalam kesarjanaan Islam mampu merungkai dan menjadi penjaga kepada hak asasi manusia.

Maqasid syariah dapat dilihat di serata dunia dengan tersebarnya Islam yang menjadi agama yang paling pesat perkembangannya. Salah satu keunikan Islam ialah pengekalan identiti dan sifat asas tanpa tercemar dengan adat kebiasaan masyarakat setempat. , Islam merupakan trend globalisasi terawal sesuai dengan misi kerasulan Nabi Muhammad S.A.W iaitu rahmat sekalian alam. Islam membawa mesej universal yang unik dengan konsep maqasid syariah sebagai tujuan utama syariah manakala *fiqh awlawiyat* pula sebagai pemahaman berkaitan keutamaan. *Fiqh awlawiyat* datang bersekali dengan *fiqh muwazanat* ( fiqh keseimbangan ) dan *fiqh waqi'* ( fiqh realiti ) dan *fiqh Taghir* ( fiqh perubahan) . Aliran fiqh yang datang kemudiannya membantu menyusun keutamaan bagi pembinaan negara bangsa dan hala tuju sesebuah negara.

Nilai positif dalam beragama mesti terus disemai dalam masyarakat supaya dapat menghasilkan interaksi budaya dan agama yang sihat di negara ini. Sirah Nabi dalam bertoleransi perlu dijadikan penanda aras dalam memelihara kehidupan masyarakat dalam keadaan aman dan harmoni. Semua kaum di negara ini mesti mengamalkan kembali budaya toleransi dan perundingan dalam menghadapi isu-isu yang melibatkan agama dan kaum supaya kedamaian dan keamanan negara dapat terus dinikmati. Melalui perbincangan secara terbuka akan lahir semangat saling menghormati serta bersedia menerima perbezaan pandangan yang menjadi asas kepada amalan beragama di negara ini berasaskan pendekatan maqasid syariah.



## Rujukan

- Aba Yazid. (2005). *Implementasi Teori Maqasid Syariah Terhadap Konsep Nikah dan Hak Wanita*, Disertasi Sarjana Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Abd Rahman Awang (2006) *Human Right :An Islam Perspective* .Jurnal Syariah 2006
- Abdul Basit Abdul Rahman (2012) *Keindahan Islam Hikmah –Hikmah di Sebalik Pensyariatan*.KL: Telaga Biru Sdn Bhd.
- Ahmad al-Raisuni.(1992).*Nazariyyat al Maqasid al Syariah I'nda Imam al Syatibi*.Beirut: Al Maahad al Alami li al fikr al Islam.
- Ahmad Sunawari Long.(2014) *Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Yumni Abu Bakar & Mohd Fairuz Jamaluddin. (2014). *Menjawab Islam Liberal Pendedahan Jaringan Islam Liberal (JIL) & Sisters in Islam (SIS)*. Batu Caves: PTS Islamika Sdn Bhd.
- Arif Fathillah Mohd Safar. (2011).*Analisis Terhadap Elemen Maqasid Syariah Dalam Takaful Ikhlas Di Malaysia*.Disertasi Sarjana Usul Fiqh dan Syariah Universiti Malaya.
- Aslinda bt Apandi. (2005). *Objektif Syariah Dalam Amalan Poligami Di Kota Bharu*.Disertasi Sarjana Syariah Universiti Malaya.
- Chua Yan Piaw (2006) *Kaedah Dan Statistik Penyelidikan Kaedah Penyelidikan Buku 1*. Malaysia:Mc Graw Hill Education.
- Hamidah Yusof,Jamal Yunus,Khalip Musa (2014).*Kaedah Penyelidikan Pengurusan Pendidikan* .Tanjung Malim:UPSI
- Idris Awang. (2009). *Penyelidikan Ilmiah Amalan Dalam Pengajian Islam*.Shah Alam: Kamil &Shakir Sdn Bhd.
- Inaran Ahmad Farid& Saadan Man (2012) *Keterbukaan Bermazhab Dalam Realiti Di Malaysia:Keperluan atau Kecelaruhan*.Jurnal Syariah Jilid 20 ,Bil 3
- Jasser Auda (2008) *Maqasid al-Syariah A Beginner's Guide* .London:IIIT
- Jasser Auda (2011) *A Maqasidi Appoarch to Contemporary Application of The Shariah*. Intellectual Discource 19 .IIUM Press
- Jasser Auda (2014) *Memahami Maqasid Syariah* terj.Marwan Bukhari A.Hamid Batu Caves:PTS Islamika Sdn Bhd
- Jazilus Sakhok. (2005). *Pembinaan Peradaban Sejagat: Suatu Kajian Terhadap Konsep Toleransi Universal Sultan Akhbar*.Disertasi Sarjana Peradaban, Universiti Malaya
- Jonathan Anderson & Milicent Poole (2011).*Penulisan Tugasan &Tesis Edisi ke 4* .Terj:Mazita Puteh &Sadiah Baharom.Kuala Lumpur:ITNMB &UPSI
- Khadijah Mohd Khambali,Wan Ariffin Wan Yon &Suraya Sintang(2014) *Toleransi & Pluralisme Menurut Pengalaman Masyarakat Bidayuh*.Jurnal Usuluddin Vol 40 (Julai-Disember )
- Mahmood Zuhdi Abdul Majid, 'Maqasid al-Syariah :Satu Pengenalan' dalam Mahmood Zuhdi Abdul Majid,Mek Wook Mahmud & Akhtarzatie Abdul Aziz (Ed) ,(2012) *Maqasid al-Syariah* .Batu Caves:IIUM
- Mahmood Zuhdi Abdul Majid (2010). *Transformasi Fikah Semasa*. Selangor: PTS Islamika Sdn Bhd
- Mohammad Hashim Kamali (2008) *Maqasid al-Syariah Made Simple*. USA: The International Institute of Islamic Thought
- Mohd Anuar Ramli& Mohd Aizat Jamaluddin (2011) *Uruf Majmuk:Konsep dan Amalannya Dalam Masyarakat Majmuk Di Malaysia*.Jurnal Fiqh No 8
- Mohd Anuar Ramli,Paizah Hj Ismail &Ahmad Badri Abdullah (2013) *Fenomena al-Tasayabuh Dalam Sambutan Perayaan Masyarakat Majmuk Di Malaysia*.Jurnal Syariah Jilid 21 ,Bil 1

- Muhid Osman. (2008). *Prinsip Toleransi Beragama Dalam Al Quran: Kajian Surah al Muthaminah*. Sarjana Usuluddin, Universiti Malaya. Muhammad Mahmud Hijazi. (2005). *Tafsir al-Wadhhih*. Terj: Bahagian Terjemahan & Editorial Pustaka Salam Sdn Bhd. KL: Pustaka Salam Sdn Bhd
- Nur Farhana Abdul Rahman (2012) *Pemahaman Konsep Tauhid Asas Keharmonian Kepelbagaian Agama*. International Journal of Islamic Thought
- Nurul Izzah Anwar (2014) *Masa Depan Masa Kita*. Shah Alam: Grup Buku Karangraf Sdn Bhd
- Nik Aziz Nik Mat (2013) *Bicara Ini Demi Ilahi*. Shah Alam: Grup Buku Karangraf Sdn Bhd
- Paizah Hj Ismail (2014) *Penyelesaian Masalah Pertentangan Antara Nas Berasaskan Prinsip Maqasid al-Syariah*. Jurnal Fiqh No 11.
- Rahimin Affandi, Mohd Anuar Ramli, Paizah Ismail & Norhayati Mohd Dahlal (2006) *Dialog Antara Agama Realiti & Prospek Di Malaysia*. Kajian Malaysia Vol 29
- Rane Halim (2013) *The Relevance of A Maqasid Approach*. Journal of Law & Religion Vol 28
- Wan Mohd Nasir bin Wan Wahab al-Madani al-Azhari. (2011). *Maqasid Syariah, Cabaran Pensyariatan*. KL: Telaga Biru Sdn Bhd
- Yasril Yazid. (2005). *Pro dan Kontra Dalam Pluralisme: Kajian Terhadap Konflik Keagamaan Dan Sikap Toleransi Beragama Di Indonesia*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah Universiti Malaya.
- Yusof al-Qardhawi (1998) *Fiqh Daulah Menurut Persektif Islam*. Terj Haji Juanda Haji Jaya. Bandar Baru Bangi: Maktabah al Qardhawi